

Antara Formaliti dengan Kelaziman: Penggunaan Slanga dalam Konteks Temu Duga Berbahasa Melayu dari Perspektif Pragmatik

Between Formality and Commonality: The Use of Slang in Malay Job Interviews from a Pragmatic Perspective

Muhammad Zaid Daud

Bahagian Linguistik Bahasa Melayu, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (USM),
11800 Pulau Pinang, Malaysia

Adi Lukman Idris

Muhammad Tabrani Abdul Aziz

Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM),
76100, Durian Tunggal, Melaka, Malaysia

Muhammad Faizul Abd Hamid*

Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), 8, Persiaran
Universiti 1, 43400 Serdang, Selangor Darul Ehsan

Submitted: 14/4/2025. Revised edition: 16/4/2025. Accepted: 17/9/2025. Published online: 30/11/2025

ABSTRAK

Kajian ini meneliti persepsi mahasiswa Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) tentang penggunaan slang dalam temu duga berbahasa Melayu serta strategi komunikasi yang sesuai untuk memastikan keseimbangan antara keaslian diri dengan profesionalisme. Penggunaan slang sering kali dikaitkan dengan identiti sosial, ekspresi emosi dan keintiman kelompok, namun dalam konteks temu duga kerja, bentuk komunikasi ini berpotensi menjejaskan kredibiliti calon. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan mengedarkan soal selidik kepada 640 orang responden bagi mengenal pasti pandangan dan pilihan strategi komunikasi mereka. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 64.1% responden bersetuju untuk menghindari penggunaan slang dalam konteks temu duga dan memilih penggunaan bahasa formal sebagai strategi komunikasi utama. Walau bagaimanapun, sebahagian responden mencadangkan bahawa slang masih boleh digunakan secara terhad dalam situasi tidak formal seperti perbualan tentang hobi atau ketika berinteraksi dengan penemu duga yang bersikap santai. Perbincangan kajian ini dirangka berdasarkan teori relevans (Sperber & Wilson, 1986) yang menekankan keseimbangan antara usaha pemprosesan maklumat dengan kesan kognitif dalam komunikasi. Hasil kajian menunjukkan bahawa pemilihan bentuk bahasa dalam temu duga bukan sahaja bergantung pada kecekapan linguistik semata-mata, tetapi turut melibatkan kebolehan pragmatik dan kepekaan konteks sosial dan budaya. Implikasi kajian ini mencadangkan bahawa institusi pengajian tinggi perlu menyediakan latihan komunikasi berasaskan konteks dengan memberikan penekanan kepada penyesuaian bahasa mengikut industri dan situasi. Kajian ini menyumbang kepada wacana linguistik gunaan dan pembangunan kebolehpasaran graduan, khususnya dalam pengukuhan kemahiran komunikasi profesional dalam kalangan generasi muda yang dinamik dan berbilang gaya bahasa.

Kata kunci: Slanga, temu duga pekerjaan, mahasiswa, komunikasi profesional, teori relevans

*Correspondence to: Muhammad Faizul Abd Hamid (email: faizulhamid@upm.edu.my)

ABSTRACT

This study explores the perceptions of students at Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) regarding the use of Malay-language slang during job interviews and proposes effective communication strategies that balance authenticity and professionalism. Slang is often associated with social identity, emotional expression, and in-group intimacy. However, in formal job interview settings, its use may compromise a candidate's credibility and perceived competence. Adopting a quantitative approach, this study distributed questionnaires to 640 respondents to gauge their communication preferences and perspectives. Findings reveal that 64.1% of respondents agreed to avoid slang in job interviews, opting instead for a more formal language register. Nevertheless, some respondents argued for the selective use of slang in informal segments of the interview, such as when discussing hobbies or interacting with more casual interviewers. The discussion is framed through the lens of relevance theory (Sperber & Wilson, 1986), which emphasizes the balance between cognitive effort and communicative payoff. The results suggest that successful language choice in interviews requires not only linguistic competence but also pragmatic awareness and sensitivity to social and cultural contexts. This highlights the need for higher education institutions to integrate contextualized communication training, with a focus on industry-specific and situationally appropriate language use. The study offers valuable insights into applied linguistics and graduate employability by emphasizing the importance of adaptable, professional communication skills among linguistically diverse and socially dynamic youth. Ultimately, this research underscores the relevance of strategic language use as both a marker of professionalism and a tool for authentic self-representation in high-stakes communicative encounters.

Keywords: slang language, job interview, undergraduates, professional communication, relevance theory

1.0 PENGENALAN

Bahasa merupakan medium utama komunikasi yang mencerminkan identiti sosial, budaya, dan perubahan linguistik dalam sesebuah masyarakat (Chomsky, 2007; Daud, 2023). Dalam konteks masyarakat Malaysia, penggunaan slanga bukan sekadar variasi linguistik, tetapi juga suatu strategi komunikasi yang mencerminkan solidariti dan keakraban antara individu dalam kelompok tertentu (Hashim, 2015). Dalam situasi formal seperti temu duga pekerjaan, penggunaan slanga menjadi isu yang perlu diperhalus kerana penggunaan slanga berpotensi mempengaruhi persepsi penemu duga tentang tahap profesionalisme calon (Razak, 2019).

Dari perspektif pragmatik, khususnya teori relevans yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1986), setiap ujaran yang digunakan dalam komunikasi seharusnya memenuhi prinsip keseimbangan antara usaha pemprosesan makna dengan kesan kognitif yang dihasilkan. Dalam temu duga pekerjaan, calon perlu menggunakan bahasa yang relevan dengan konteks profesional bagi memastikan maksud yang disampaikan dapat ditafsir dengan tepatnya oleh penemu duga (Carston, 2002). Penggunaan slanga yang tidak terkawal boleh mengurangkan keberkesanan penyampaian maklumat serta memberikan isyarat yang bertentangan dengan jangkaan sosial dan budaya profesional (Zainal, 2021; Ardi *et al.*, 2011; Crystal, 2011).

Sebagai contoh, penggantian kata sapaan formal seperti "Tuan" atau "Encik" dengan istilah tidak formal seperti "bro" boleh menjejaskan persepsi kesopanan dan kesesuaian calon dalam suasana kerja (Tan, 2020). Begitu juga dengan frasa seperti "sembang kari" yang mungkin dianggap sebagai ungkapan biasa dalam komunikasi tidak formal, tetapi dalam temu duga, frasa ini boleh memberikan gambaran bahawa calon tidak serius atau kurang memahami kod komunikasi profesional (Razak, 2019). Sehubungan dengan itu, dilema yang dihadapi oleh mahasiswa ialah cara menyeimbangkan penggunaan

bahasa yang mencerminkan keperibadian mereka tanpa menjejaskan keberkesanan komunikasi dalam situasi rasmi.

Oleh hal yang demikian, kajian ini bertujuan menganalisis persepsi mahasiswa UTeM tentang penggunaan slanga dalam temu duga pekerjaan berbahasa Melayu serta kesan penerimaan dan penilaian profesionalisme oleh pihak industri. Melalui pendekatan pragmatik, kajian ini meneliti penggunaan slanga dalam temu duga selari dengan prinsip relevans dan cara prinsip ini boleh mempengaruhi interpretasi makna dalam konteks komunikasi formal (Sperber & Wilson, 1995). Maka, objektif kajian ini adalah untuk;

1. menganalisis tahap kesedaran mahasiswa UTeM mengenai penggunaan slanga dalam temu duga pekerjaan dan kesannya terhadap persepsi profesionalisme; dan
2. meneliti penggunaan slanga dalam temu duga berdasarkan perspektif pragmatik, khususnya dalam kerangka teori relevans (Sperber & Wilson, 1986);
3. mencadangkan strategi komunikasi yang lebih berkesan bagi membantu mahasiswa mengoptimumkan penggunaan bahasa dalam temu duga tanpa menjejaskan keaslian dan keselesaan mereka ketika berkomunikasi.

Kajian ini diharapkan dapat memberikan panduan kepada mahasiswa dalam usaha mempersiapkan diri menghadapi dunia pekerjaan, di samping menyumbang kepada kajian pragmatik dalam konteks komunikasi formal dan profesional.

2.0 SOROTAN KAJIAN LEPAS

Fenomena penggunaan slanga dalam masyarakat moden, khususnya dalam kalangan remaja dan pengguna media sosial, telah menarik perhatian ramai penyelidik linguistik dan sosiolinguistik. Slanga bukan sahaja berfungsi sebagai alat komunikasi tidak formal tetapi juga mencerminkan identiti sosial dan budaya penuturnya. Kajian terdahulu mengenai penggunaan slanga dalam media sosial menumpukan aspek leksikal (Ritos & Daud, 2020; Abdullah & Daud, 2020), semantik (Subet & Daud, 2016; 2017; 2019), dan sosiobudaya (Daud *et al.*, 2024; Fazal & Muhammad, 2022), terutamanya dalam kalangan pengengaruh dan pencipta kandungan digital (Suhaimi & Shamsull, 2022; Paijin *et al.*, 2022). Kajian mengenai bahasa slanga menunjukkan bahawa penggunaannya semakin berkembang pesat akibat pengaruh media sosial, interaksi harian, dan faktor persekitaran. Namun begitu, terdapat beberapa isu yang masih belum diteroka secara mendalam, seperti mekanisme pembentukan slanga, kesan terhadap pemantapan atau kemerosotan bahasa Melayu standard, serta dinamik perubahan makna dalam pelbagai konteks sosial. Oleh itu, bahagian ini akan membincangkan kajian lepas tentang slanga bagi mengenal pasti jurang kajian yang masih wujud serta keperluan kajian lanjutan dalam bidang ini.

Kajian oleh Narawi dan Sarudin (2024) meneliti peningkatan penggunaan slanga dalam kalangan murid sekolah akibat interaksi harian dengan rakan sebaya serta media sosial. Kajian ini mengkategorikan jenis slanga yang digunakan oleh murid dan menganalisis cara istilah-istilah tersebut terbentuk melalui proses peniruan berdasarkan teori sosiokognitif. Namun begitu, kajian ini menghadapi kekangan dari segi pengkategorian data slanga, menjadikan pola penggunaannya sukar untuk difahami secara menyeluruh. Oleh itu, kajian lanjutan diperlukan bagi membangunkan sistem pengkategorian yang lebih sistematik dan meneroka implikasi sosial penggunaan slanga dalam konteks pendidikan formal.

Selain itu, kajian Jamali dan Ma'alip (2019) tertumpu pada penggunaan bahasa slanga dalam kalangan remaja Felda di kawasan Taib Andak. Kajian ini menekankan bahawa slanga bukan sebahagian daripada bahasa baku dan bersifat sementara serta eksklusif kepada kumpulan tertentu. Penggunaan slanga dikesan memberikan kesan negatif kepada kelestarian bahasa Melayu standard, di samping menonjolkan kesan psikososial seperti pembentukan identiti kumpulan dalam kalangan remaja. Walaupun kajian ini memberikan gambaran yang jelas mengenai fenomena slanga dalam persekitaran luar bandar, kajian ini kurang memberikan perhatian kepada variasi slanga dalam konteks digital dan media sosial.

Kajian oleh Paijin, Ja'afar dan Rusli (2022) pula menganalisis penggunaan slanga dalam akaun Twitter @Brgsjks. Dapatan kajian menunjukkan bahawa slanga menyumbang kepada pembentukan kosa kata baharu tetapi turut membawa kesan negatif seperti ancaman terhadap pemartabatan bahasa Melayu dan penurunan tahap kesopanan berbahasa. Kajian ini menekankan peranan slanga sebagai alat komunikasi yang memperkukuh identiti komuniti tetapi berpotensi menjejaskan kegramatisan bahasa Melayu formal. Kajian ini memberikan perspektif penting tentang penggunaan slanga dalam media sosial, namun tidak mengupas aspek pragmatik dan perubahan makna dalam konteks interaksi digital secara mendalam.

Seterusnya, Nopiah dan Lawi (2023) menjalankan kajian dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif dalam usaha menganalisis slanga di media sosial. Kajian ini mendapati bahawa slanga mempunyai makna yang berbeza mengikut konteks dan situasi, seperti perkataan *berkicap* yang mengalami perubahan makna dalam kalangan penutur slanga. Walaupun kajian ini memberikan penjelasan semantik terhadap fenomena slanga, kajian ini kurang meneliti aspek perubahan penggunaan slanga dalam pelbagai platform digital serta cara makna baharu terbentuk dalam komuniti tertentu.

Kajian oleh Dewi *et al.* (2023) membincangkan penggunaan slanga dalam kalangan remaja dengan memberikan tumpuan kepada aspek morfologi dan sosiolinguistik. Kajian ini menunjukkan bahawa slanga digunakan untuk menunjukkan emosi, memperkukuh hubungan kumpulan, dan menyesuaikan diri dengan perubahan budaya. Walau bagaimanapun, pengkaji menegaskan bahawa penggunaan slanga yang tidak terkawal boleh merendahkan penghargaan terhadap bahasa formal serta mencipta jurang komunikasi antara generasi. Oleh itu, kajian ini mencadangkan pendidikan bahasa memainkan peranan lebih aktif dalam usaha membantu remaja memahami konteks penggunaan slanga yang sesuai.

Berdasarkan sorotan kajian lepas, beberapa tema utama dapat dikenal pasti, termasuklah pembentukan dan penggunaan slanga dalam kalangan remaja, pengaruh media sosial, serta implikasi penggunaan slanga terhadap bahasa Melayu standard dan komunikasi formal. Walaupun terdapat pelbagai kajian mengenai fenomena ini, masih terdapat jurang kajian yang perlu diteroka secara mendalam. Pertama, mekanisme pembentukan slanga masih belum diteroka secara mendalam kerana kebanyakan kajian terdahulu hanya meneliti jenis dan fungsi slanga tanpa memberikan tumpuan kepada cara istilah slanga terbentuk, berkembang, dan diterima dalam komuniti tertentu. Kedua, analisis pragmatik dan perubahan makna masih belum diterapkan secara menyeluruh kerana kajian berkaitan dengan makna slanga lebih tertumpu pada aspek semantik, sedangkan analisis pragmatik yang mengkaji cara konteks sosial mempengaruhi perubahan makna masih belum mendapat perhatian yang sewajarnya. Ketiga, slanga dalam konteks profesional masih kurang dikaji kerana kebanyakan kajian hanya memberikan perhatian kepada penggunaannya dalam kalangan remaja dan media sosial tanpa meneliti persepsi serta kesannya dalam dunia pekerjaan. Keempat, implikasi pendidikan dan pemartabatan bahasa Melayu juga belum diteroka dengan mendalamnya kerana kajian tentang cara pendekatan pendidikan boleh menyeimbangkan penggunaan slanga dan pemartabatan bahasa rasmi masih kurang dijalankan.

Kajian lanjutan perlu meneliti jurang ini dengan pendekatan yang lebih komprehensif, khususnya dari aspek pragmatik, perubahan makna dalam komunikasi digital, serta kesannya terhadap penggunaan bahasa Melayu dalam situasi formal dan profesional. Dengan memahami faktor-faktor ini, langkah-langkah strategik dapat diambil bagi memastikan keseimbangan antara kepelbagaian bahasa yang dinamik dengan pemartabatan bahasa Melayu standard dalam pelbagai ranah penggunaan.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Dalam pendekatan ini, kajian ini memanfaatkan kaedah tinjauan bagi memperoleh data tentang penggunaan slanga dalam temu duga berbahasa Melayu dari perspektif pragmatik. Kajian ini menilai tahap penerimaan, persepsi, dan kesan (Bryman, 2016) penggunaan slanga dalam konteks formal temu duga kerja dalam kalangan mahasiswa ijazah sarjana muda di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Populasi kajian terdiri daripada mahasiswa ijazah sarjana muda UTeM dari enam buah fakulti. Enam buah fakulti tersebut ialah Fakulti Teknologi Kejuruteraan Industri dan Pembuatan (FTKIP), Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik (FTKE), Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT), Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK), Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Mekanikal (FTKM), serta Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Elektronik dan Komputer (FTKEK). Seramai 640 orang responden yang dipilih secara persampelan rawak berstrata terlibat dalam kajian ini. Persampelan rawak berstrata bertujuan memastikan kepelbagaian pandangan dari berbagai-bagai bidang pengajian (Etikan *et al.*, 2016).

Pengumpulan data dilakukan melalui soal selidik secara dalam talian dengan menggunakan Google Form. Soal selidik ini merangkumi empat bahagian utama. Empat bahagian utama ini meliputi maklumat demografi, persepsi terhadap penggunaan slanga dalam temu duga, analisis sikap tentang penggunaan slanga serta cadangan dan strategi mengatasi penggunaan slanga berlebihan. Maklumat demografi dikumpulkan bagi mengenal pasti latar belakang responden seperti jantina, fakulti, dan tahun pengajian. Persepsi tentang penggunaan slanga dalam temu duga pula dianalisis melalui soalan berbentuk biner (Ya/Tidak) bagi mengenal pasti sama ada mahasiswa menganggap penggunaan slanga sesuai dalam temu duga kerja atau tidak. Sikap mahasiswa tentang penggunaan slanga diukur menggunakan skala likert lima mata yang mengukur tahap persetujuan mereka tentang pelbagai pernyataan mengenai isu ini. Selain itu, bahagian cadangan dan strategi mengatasi penggunaan slanga berlebihan pula menggunakan soalan berbentuk aneka pilihan bagi mengenal pasti langkah-langkah yang dikira berkesan dalam usaha mengurangkan penggunaan slanga dalam komunikasi profesional.

Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan jadual, kekerapan (n), dan peratusan (%) untuk menunjukkan jawapan bagi soalan biner dan soalan aneka pilihan. Kaedah ini mampu memberikan gambaran yang lebih jelas tentang kecenderungan responden dalam usaha menjawab soalan serta memberikan asas yang kukuh dalam interpretasi pola yang dikenal pasti dalam kajian.

Bagi memastikan kualiti dan kebolehpercayaan dapatan kajian, beberapa langkah mitigasi telah dilaksanakan. Ketepatan data dijaga dengan menggunakan sistem log masuk melalui akaun institusi UTeM bagi mengelakkan pengisian berganda. Kepelbagaian responden turut diambil kira melalui pemilihan sampel dari pelbagai fakulti bagi memastikan variasi dalam perspektif mahasiswa tentang isu kajian. Kawalan faktor luar juga dilakukan dengan menyertakan soalan kawalan bagi menilai tahap

pendedahan responden tentang bahasa formal dan tidak formal. Data yang diperoleh dieksport ke dalam perisian SPSS bagi membolehkan analisis yang lebih sistematik dan komprehensif. Arahan soal selidik juga dirangka secara neutral bagi memastikan jawapan yang diberikan tidak dipengaruhi oleh bias sosial.

Metodologi kajian ini dirangka dengan telitinya bagi memastikan dapatan yang diperoleh dapat menggambarkan realiti sebenar penggunaan slanga dalam temu duga pekerjaan dalam kalangan mahasiswa UTeM. Dengan pendekatan yang sistematik serta strategi mitigasi yang menyeluruh, kajian ini diharapkan mampu memberikan sumbangan bermakna kepada kefahaman antara formaliti dengan kelaziman dalam penggunaan bahasa dalam konteks profesional.

4.0 ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Untuk mengkaji persepsi mahasiswa UTeM, seramai 640 orang responden terlibat dalam kajian ini. Huraian demografi seperti jantina, umur, bangsa, tahun pengajian dan fakulti ditunjukkan dalam Jadual 1.

Soal selidik menunjukkan bahawa 310 (48.4%) orang responden daripada 610 orang responden ialah lelaki manakala 330 (51.6%) orang responden ialah perempuan. Selain itu, Responden yang berumur antara 21 hingga 25 tahun terdiri daripada 360 (56.3%) orang. Responden yang berumur kurang daripada 20 tahun pula terdiri daripada 260 (40.6%) orang. Seramai 20 (3.1%) orang responden berumur antara 26 hingga 29 tahun dan tiada responden yang berumur 30 tahun ke atas. Latar belakang bangsa menunjukkan bahawa 470 (73.4%) orang responden terdiri daripada responden berbangsa Melayu, diikuti 130 (20.3%) orang responden berbangsa India dan 20 (3.1%) orang responden berbangsa Cina dan lain-lain. Berdasarkan tahun pengajian, seramai 470 (73.4%) orang responden terdiri daripada pelajar tahun 1, 120 (18.8%) orang responden terdiri daripada pelajar tahun 2 serta seramai 30 (4.7%) orang responden terdiri daripada pelajar tahun 3 dan tahun 4. Dari segi fakulti, kebanyakan responden terdiri daripada pelajar dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik (FTKE), iaitu seramai 530 (82.8%) orang, diikuti dengan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK), iaitu seramai 70 (10.9%) orang. Seramai 20 (3.1%) orang responden dari Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT) seramai 10 (1.6%) orang responden dari Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Elektronik dan Komputer (FTKEK), Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Mekanikal (FTKM) dan Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Industri dan Pembuatan (FTKIP).

Jadual 1 Maklumat demografi responden

Item	Kategori	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	310	48.4
	Perempuan	330	51.6
Umur	Kurang daripada 20	260	40.6
	21 hingga 25	360	56.3
	26 hingga 29	20	3.1
	30 dan keatas	0	0
Bangsa	Melayu	470	73.4
	Cina	20	3.1
	India	130	20.3
	Lain-lain	20	3.1
Tahun pengajian	Tahun 1	470	73.4
	Tahun 2	120	18.8
	Tahun 3	30	4.7
	Tahun 4	30	4.7
Fakulti	FTKE	530	82.8
	FTKEK	10	1.6
	FPTT	20	3.1
	FTKM	10	1.6
	FTMK	70	10.9
	FTKIP	10	1.6

Objektif Kajian 1: Menganalisis tahap kesedaran mahasiswa UTeM mengenai penggunaan bahasa slanga dalam temu duga pekerjaan dan kesannya tentang persepsi profesionalisme

Jadual 2 menunjukkan dapatan kajian mengenai kesedaran mahasiswa UTeM mengenai penggunaan slanga dalam temu duga pekerjaan dan kesannya tentang persepsi profesionalisme.

Jadual 2 Kesedaran mahasiswa UTeM mengenai penggunaan slanga dalam temu duga pekerjaan dan kesannya tentang persepsi profesionalisme

Soalan	Kategori	Kekerapan (N)	Peratusan (%)
Adakah anda berpendapat bahawa generasi muda lebih cenderung menggunakan slanga?	Ya	58	90.6
	Tidak	6	9.4
Adakah penggunaan slanga menunjukkan kemesraan dengan penemu duga?	Ya	24	37.5
	Tidak	40	62.5
Adakah penggunaan slanga dalam temu duga sesuai dalam industri informal?	Ya	18	28.1
	Tidak	46	71.9
Adakah penggunaan slanga menjadikan komunikasi lebih menyenangkan dalam temu duga?	Ya	24	37.5
	Tidak	40	62.5
Adakah lebih baik untuk mengelakkan slanga dalam temu duga profesional terutamanya dalam sektor korporat?	Ya	42	65.6
	Tidak	22	34.4

Dalam konteks pragmatik, penggunaan bahasa dalam interaksi sosial bergantung pada keupayaan penutur untuk menyesuaikan ujaran dengan norma sosial dan harapan dalam situasi tertentu (Grice, 1975). Menurut teori relevans yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1995), individu cenderung memproses maklumat berdasarkan konteks yang paling relevan. Dalam temu duga pekerjaan, calon perlu memastikan ujaran mereka memenuhi jangkaan penemu duga yang mengutamakan formaliti dan kesopanan.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa 58 (90.6%) orang responden bersetuju bahawa generasi muda lebih cenderung menggunakan slanga dalam komunikasi harian. Fenomena ini boleh dikaitkan dengan pengaruh media sosial dan teknologi yang membentuk corak pertuturan generasi muda (Tagliamonte, 2016). Istilah slanga sering kali berkembang melalui interaksi secara dalam talian dan menjadi sebahagian daripada leksikon harian mereka. Sebagai contoh, ungkapan seperti "chill je" atau "bro, relax" mungkin biasa digunakan dalam perbualan santai, tetapi penggunaannya dalam temu duga boleh menimbulkan tanggapan negatif tentang profesionalisme calon.

Satu aspek penting dalam kajian ini ialah kemampuan mahasiswa menyedari implikasi penggunaan slanga dalam suasana temu duga. Dapatan menunjukkan bahawa 40 (62.5%) orang responden tidak bersetuju dengan penggunaan slanga sebagai cara untuk menunjukkan kemesraan dengan penemu duga. Hal ini selari dengan prinsip kesantunan yang menekankan kepentingan menjaga imej diri dan menghormati norma sosial dalam komunikasi (Brown & Levinson, 1987). Dalam temu duga, calon perlu mengutamakan kesopanan dan kesesuaian ujaran agar tidak menjejaskan peluang pekerjaan mereka. Sebagai contoh, jika calon berkata "Saya memang gempak dalam bidang ni" berbanding dengan "Saya mempunyai kepakaran yang luas dalam bidang ini," menunjukkan calon kurang profesional dan tidak sesuai dengan konteks temu duga.

Selain itu, kajian ini turut menilai kesesuaian penggunaan slanga dalam industri yang lebih bersifat santai atau tidak terlalu formal. Walaupun terdapat anggapan bahawa industri tertentu seperti industri kreatif lebih menerima penggunaan bahasa yang santai, dapatan menunjukkan bahawa 46 (71.9%) orang responden bersetuju dengan pernyataan penggunaan slanga tidak sesuai dalam persekitaran kerja. Hal ini menunjukkan bahawa mahasiswa menyedari kepentingan menyesuaikan gaya bahasa dengan keperluan komunikasi profesional. Dari perspektif teori relevans (Wilson & Sperber, 1986), maklumat yang paling relevan dalam konteks temu duga ialah ujaran yang memudahkan pemahaman, menunjukkan kredibiliti, dan memenuhi jangkaan profesionalisme. Walaupun penggunaan slanga lebih ekspresif dalam kalangan rakan sebaya, slanga mungkin mengurangkan kejelasan komunikasi dalam suasana formal dan mencetuskan kekeliruan atau ketidakserasian persepsi antara calon dengan penemu duga.

Tambahan pula, seramai 40 (62.5%) orang responden tidak bersetuju dengan pernyataan penggunaan slanga menjadikan komunikasi lebih menyenangkan dalam temu duga. Dalam analisis pragmatik, ujaran yang tepat dan jelas ialah elemen penting dalam komunikasi berkesan (Leech, 1983). Apabila calon menggunakan bahasa yang terlalu santai atau slanga, penemu duga mungkin menganggap calon tidak bersungguh-sungguh atau tidak cukup matang untuk mengisi jawatan yang dimohon. Sebagai contoh, seorang calon yang berkata, "Saya rasa kerja ni best sebab saya memang minat gila bab ni" mungkin akan memberikan impresif yang kurang serius berbanding dengan, "Saya amat berminat dengan bidang ini dan saya mampu memberikan sumbangan yang signifikan kepada organisasi."

Akhir sekali, kajian ini turut menilai sama ada mahasiswa berpendapat bahawa penggunaan slanga perlu dielakkan dalam temu duga profesional, terutamanya dalam sektor korporat. Dapatan menunjukkan bahawa 42 (65.6%) orang responden bersetuju dengan pernyataan penggunaan slanga harus dielakkan. Dalam persekitaran kerja yang formal, kesesuaian bahasa amat penting kerana penggunaan bahasa yang

tepat mencerminkan profesionalisme seseorang. Holmes (2013) menegaskan bahawa gaya bahasa dalam organisasi mencerminkan hierarki sosial dan norma institusi. Oleh itu, calon yang menggunakan bahasa formal lebih cenderung diterima dalam persekitaran profesional kerana bahasa formal yang digunakan calon menunjukkan keupayaan untuk menyesuaikan diri dengan budaya organisasi.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa mahasiswa UTeM mempunyai tahap kesedaran yang tinggi mengenai penggunaan slanga dalam temu duga pekerjaan dan kesannya tentang persepsi profesionalisme. Dari perspektif pragmatik, mereka memahami kepentingan menyesuaikan bahasa dengan konteks interaksi bagi memastikan komunikasi berkesan. Dalam kerangka teori relevans, mereka juga menyedari bahawa pemilihan ujaran yang paling sesuai akan meningkatkan kebolehfahaman dan memperkukuh imej profesional. Oleh itu, kajian ini menegaskan bahawa penggunaan bahasa formal dalam temu duga merupakan strategi komunikasi yang lebih berkesan bagi meningkatkan peluang calon dalam dunia pekerjaan.

Objektif Kajian 2: Meneliti penggunaan slanga dalam temu duga berdasarkan perspektif pragmatik, khususnya dalam kerangka teori relevans (Sperber & Wilson, 1986)

Kajian ini meneliti penggunaan slanga dalam temu duga pekerjaan berdasarkan perspektif pragmatik, khususnya dalam kerangka teori relevans (Sperber & Wilson, 1986). Jadual 3 memaparkan dapatan soal selidik tentang penggunaan slanga dalam temu duga berbahasa Melayu.

Jadual 3 Penggunaan slanga dalam temu duga berbahasa Melayu

Soalan	Kategori	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Penggunaan slanga dalam temu duga boleh menjejaskan profesionalisme calon.	Sangat tidak setuju	20	3.1
	Tidak setuju	30	4.7
	Tiada pendapat	230	35.9
	Setuju	110	17.2
	Sangat setuju	250	39.1
Slanga boleh digunakan dalam temu duga untuk menunjukkan kelainan dan keperibadian calon.	Sangat tidak setuju	120	18.8
	Tidak setuju	70	10.9
	Tiada pendapat	230	35.9
	Setuju	110	17.2
	Sangat setuju	110	17.2
Penggunaan slanga dalam temu duga akan menyebabkan calon kelihatan kurang serius dengan perkerjaan yang dimohon.	Sangat tidak setuju	2	3.1
	Tidak setuju	5	7.8
	Tiada pendapat	22	34.4
	Setuju	12	18.8
	Sangat setuju	23	35.9
Penggunaan slanga boleh memberikan kelebihan dalam temu duga yang melibatkan industri kreatif.	Sangat tidak setuju	15	23.4
	Tidak setuju	1	1.6
	Tiada pendapat	25	39.1
	Setuju	14	21.9
	Sangat setuju	9	14.1
Penggunaan slanga dalam temu duga tidak sesuai kerana slanga boleh mengurangkan kredibiliti calon.	Sangat tidak setuju	3	4.7
	Tidak setuju	3	4.7
	Tiada pendapat	25	39.1
	Setuju	10	15.6
	Sangat setuju	23	35.9

Teori ini menekankan bahawa komunikasi yang berkesan bergantung pada keseimbangan antara usaha pemprosesan (*processing effort*) dengan kesan kognitif (*cognitive effect*). Dalam konteks temu duga, calon perlu memastikan bahawa mesej yang disampaikan dapat difahami oleh penemu duga dengan jelasnya. Penggunaan slanga dalam temu duga boleh mempengaruhi persepsi profesionalisme calon dan memberikan kesan kepada proses komunikasi antara calon dengan penemu duga. Oleh itu, kajian ini bertujuan meneliti slanga dinilai dalam temu duga berbahasa Melayu berdasarkan perspektif pragmatik.

Hasil kajian menunjukkan bahawa 250 (39.1%) orang responden sangat bersetuju dengan pernyataan penggunaan slanga dalam temu duga boleh menjejaskan profesionalisme calon. Dari sudut pragmatik, profesionalisme dalam komunikasi berkait rapat dengan penggunaan bahasa yang sesuai dengan konteks. Slanga sering dikaitkan dengan komunikasi santai dan tidak formal serta tidak sesuai dalam suasana temu duga yang menekankan kesopanan dan kejelasan (Yule, 2020). Menurut teori relevans, penemu duga akan menilai setiap maklumat yang diterima berdasarkan dua faktor utama, iaitu kemampuan maklumat memberikan manfaat dalam usaha memahami calon dan kemampuan maklumat memerlukan usaha kognitif untuk diproses (Sperber & Wilson, 1986). Jika penggunaan slanga meningkatkan usaha pemprosesan tanpa memberikan kesan kognitif yang signifikan, maklumat yang diberikan boleh dianggap sebagai tidak relevan dan mengurangkan kredibiliti calon.

Sebagai contoh, dalam satu simulasi temu duga yang dianalisis dalam kajian ini, seorang calon menggunakan ungkapan seperti "benda ni chill je" untuk menggambarkan kemampuannya bekerja dalam tekanan. Penemu duga yang lebih berpengalaman dalam komunikasi korporat mungkin memerlukan usaha tambahan untuk memahami maksud sebenar ungkapan tersebut. Keadaan ini boleh memberikan kesan negatif kepada calon kerana penggunaan bahasa yang kurang formal mencerminkan kekurangan keupayaan untuk menyesuaikan diri dengan situasi profesional (Brown & Levinson, 1987).

Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa 230 (35.9%) orang responden tidak mempunyai pendapat yang jelas mengenai penggunaan slanga untuk menunjukkan keperibadian calon dalam temu duga. Keadaan menunjukkan bahawa terdapat ketidaktentuan dalam kalangan mahasiswa UTeM tentang peranan slanga dalam pembentukan persepsi positif atau negatif terhadap calon. Dalam konteks pragmatik, situasi ini boleh dijelaskan melalui konsep inferens pragmatik, apabila makna ditafsir berdasarkan konteks sosial dan interaksi antara penutur dengan pendengar (Grice, 1975). Dalam suasana temu duga yang lebih formal, penemu duga mungkin tidak mentafsirkan penggunaan slanga sebagai satu bentuk ekspresi diri yang positif, tetapi melihat penggunaan ini sebagai sesuatu yang tidak sesuai dalam komunikasi profesional.

Dalam temu duga bagi industri kreatif, penggunaan slanga mungkin lebih diterima kerana industri ini lebih menekankan ekspresi diri dan keaslian calon. Namun begitu, dalam sektor korporat, penggunaan bahasa yang lebih formal lebih diutamakan untuk mengekalkan imej profesional syarikat (Gumperz, 1982). Dapatan kajian menunjukkan bahawa 25 (39.1%) orang responden tidak mempunyai pendapat sama ada penggunaan slanga boleh memberikan kelebihan dalam industri kreatif ataupun tidak, menunjukkan bahawa mahasiswa mungkin kurang memahami perbezaan keperluan komunikasi dalam pelbagai bidang pekerjaan. Dari perspektif teori relevans, keadaan ini mencerminkan perbezaan dalam usaha pemprosesan maklumat antara calon dengan penemu duga apabila calon menganggap slanga sebagai satu bentuk komunikasi yang efektif, sedangkan penemu duga melihat penggunaan slanga sebagai gangguan.

Kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan slanga dalam temu duga pekerjaan boleh memberikan kesan kepada penilaian profesionalisme calon berdasarkan perspektif pragmatik dan teori relevans. Dalam konteks komunikasi profesional, kesan kognitif yang diperoleh daripada penggunaan bahasa yang tepat

lebih penting daripada usaha pemprosesan yang diperlukan untuk memahami mesej calon. Penggunaan slanga yang tidak sesuai boleh menyebabkan peningkatan usaha kognitif oleh penemu duga tanpa memberikan manfaat yang ketara, sekali gus mengurangkan persepsi positif terhadap calon. Oleh itu, mahasiswa perlu dididik tentang kepentingan penggunaan bahasa yang sesuai dalam temu duga dan cara pilihan bahasa boleh mempengaruhi persepsi serta peluang mereka dalam usaha mendapatkan pekerjaan.

Objektif 3 Mencadangkan strategi komunikasi yang lebih berkesan bagi membantu mahasiswa mengoptimumkan penggunaan slanga dalam temu duga tanpa menjejaskan keaslian dan keselesaan mereka dalam komunikasi

Objektif ketiga kajian ini adalah untuk mencadangkan strategi komunikasi yang lebih berkesan bagi membantu mahasiswa mengoptimumkan penggunaan bahasa dalam temu duga tanpa menjejaskan keaslian dan keselesaan mereka dalam komunikasi. Dalam konteks komunikasi profesional, keseimbangan antara kespontanan berbahasa dengan keperluan untuk kelihatan profesional merupakan aspek penting yang perlu diberikan perhatian. Oleh itu, kajian ini meneliti pandangan mahasiswa UTeM tentang strategi penggunaan slanga yang sesuai dalam temu duga pekerjaan berbahasa Melayu.

Jadual 4 Cadangan strategi komunikasi yang lebih berkesan bagi membantu mahasiswa mengoptimumkan penggunaan slanga dalam temu duga tanpa menjejaskan keaslian dan keselesaan mereka dalam komunikasi

Langkah-langkah	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Menghindari penggunaan slanga apabila berbicara dengan bahasa yang lebih formal	410	64.1
Menggunakan slanga secara terbuka untuk menunjukkan keperibadian diri	30	4.7
Menggunakan slanga apabila diminta oleh penemu duga	30	4.7
Menggunakan slanga dalam situasi yang santai tanpa melibatkan topik pekerjaan	110	17.2
Menggunakan slanga apabila berinteraksi dengan penemu duga; am situasi tidak formal	60	9.4

Bahasa merupakan sistem komunikasi utama manusia yang berfungsi sebagai medium penyampaian makna melalui ujaran, tulisan, dan isyarat bukan lisan (Daud, 2018a; 2018b). Berdasarkan dapatan kajian, seramai 410 (64.1%) orang responden cenderung untuk menghindari penggunaan slanga dan memilih untuk berbicara dalam bahasa yang lebih formal. Keputusan ini menunjukkan kesedaran mahasiswa tentang konteks temu duga yang memerlukan tahap kesantunan dan kesesuaian komunikasi yang tinggi. Menurut teori relevans (Sperber & Wilson, 1986), pemilihan untuk menggunakan bahasa formal ini menunjukkan usaha pemprosesan yang optimum dengan kesan kognitif yang relevan, iaitu mewujudkan persepsi positif

terhadap calon sebagai individu yang profesional, beretika, dan bersedia menghadapi cabaran dalam dunia pekerjaan.

Strategi ini bukan sahaja meminimumkan kekaburan maksud atau maksud tersirat yang mungkin wujud dalam penggunaan slanga, tetapi menjamin ketepatan mesej dalam konteks komunikasi yang formal dan berstruktur. Ahmad (2017) menyatakan bahawa penggunaan bahasa formal menunjukkan kematangan dalam komunikasi dan meningkatkan kredibiliti calon. Sehubungan dengan itu, latihan dan persediaan sebelum menghadiri temu duga seperti simulasi dan penyesuaian gaya bahasa sangat digalakkan (Razak, 2019).

Namun begitu, tidak semua mahasiswa menolak penggunaan slanga secara mutlak. Dalam hal ini, seramai 60 (9.4%) orang responden bersetuju bahawa slanga boleh digunakan semasa berinteraksi dengan penemu duga dalam situasi tidak formal. Keadaan ini menunjukkan bahawa terdapat kesedaran tentang sifat kontekstual komunikasi, terutamanya dalam industri kreatif dan budaya kerja yang lebih fleksibel (Hashim, 2015). Dalam kerangka teori relevans, pendekatan ini menunjukkan bahawa mahasiswa membuat pertimbangan usaha pemprosesan yang lebih rendah apabila konteks perbualan bersifat santai, namun kesan kognitif yang diperoleh masih dianggap relevan, iaitu membina hubungan yang lebih mesra dengan penemu duga.

Seterusnya, seramai 110 (17.2%) orang responden menyatakan bahawa penggunaan slanga dalam situasi yang santai tanpa melibatkan topik pekerjaan juga merupakan antara langkah yang boleh diberikan perhatian. Langkah ini mencerminkan satu bentuk strategi komunikasi yang lebih terarah apabila calon berusaha menyesuaikan gaya bahasa dengan konteks dan topik perbualan agar mesej dapat difahami tanpa menjejaskan profesionalisme. Sebagai contoh, penggunaan slanga dalam perbualan tentang hobi dapat menunjukkan sifat keaslian dan keterbukaan calon, yang dalam sesetengah keadaan boleh dianggap sebagai nilai tambah dalam penilaian personaliti dan kesesuaian budaya organisasi.

Seramai 30 (4.7%) orang responden bersikap lebih terbuka dengan penggunaan slanga sebagai medium untuk menonjolkan keperibadian diri. Walaupun pandangan ini tidak dominan, pandangan ini penting untuk diperhatikan terutamanya dalam sektor pekerjaan yang menekankan kreativiti dan ekspresi diri. Mahasiswa dalam kategori ini mungkin melihat penggunaan slanga sebagai elemen komunikasi yang mencerminkan jati diri, keterbukaan, serta pendekatan yang tidak terlalu kaku. Terdapat 30 (4.7%) orang responden lain bersetuju bahawa penggunaan slanga wajar dilakukan apabila diminta oleh penemu duga. Keadaan menandakan wujudnya kepekaan tentang arahan atau petunjuk komunikasi daripada pihak penemu duga, yang menjadi aspek penting dalam pembinaan interaksi dua hala yang dinamik dan responsif.

Secara keseluruhannya, dapatan ini mencerminkan keperluan untuk mendidik mahasiswa mengenai strategi komunikasi yang fleksibel dan kontekstual. Latihan komunikasi yang berpaksikan teori relevans boleh membantu mahasiswa menilai konteks temu duga dengan tepat dan memilih bentuk bahasa yang paling sesuai apabila perlu. Dengan adanya usaha sebegini, calon bukan sahaja mampu menjaga kredibiliti sebagai calon yang profesional, malah dapat menonjolkan keperibadian dan keselesaan mereka dalam komunikasi. Gabungan antara kecekapan bahasa dengan keaslian dalam penyampaian mampu memperkasakan mahasiswa untuk menghadapi dunia pekerjaan yang mempunyai pelbagai cabaran dengan lebih yakinnya.

5.0 KESIMPULAN

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan slanga dalam kalangan mahasiswa UTeM sangat kompleks kerana dipengaruhi keperluan ekspresi identiti, keaslian diri, serta keperluan memenuhi jangkaan norma komunikasi profesional. Walaupun slanga berfungsi sebagai medium penting dalam pembinaan hubungan sosial dan mencerminkan keperibadian individu, kebanyakan mahasiswa mengakui bahawa penggunaannya dalam temu duga berbahasa Melayu harus dikawal dan disesuaikan mengikut tahap formaliti.

Sebahagian besar responden, iaitu 64.1% menyatakan kesediaan untuk menghindari penggunaan slanga dan memilih pendekatan komunikasi yang lebih formal. Keadaan ini menunjukkan kesedaran linguistik yang tinggi tentang keperluan menyesuaikan gaya bahasa dengan konteks profesional, iaitu suatu aspek penting dalam perkembangan kemahiran insaniah graduan sejajar dengan kehendak pasaran kerja abad ke-21. Dalam kerangka teori relevans, pemilihan ini mencerminkan penyesuaian strategik tentang keperluan kognitif penemu duga dengan meminimumkan usaha pemprosesan dan memaksimumkan kesan maklumat, sekali gus meningkatkan kebolehpercayaan mesej dan imej profesional calon. Namun begitu, sebilangan kecil responden yang menyokong penggunaan slanga dalam situasi tidak formal atau berkaitan dengan topik bukan pekerjaan turut mendedahkan bahawa komunikasi profesional tidak bersifat homogen dan statik. Komunikasi profesional memerlukan kepekaan tentang konteks, hubungan kuasa, dan jangkaan sosial yang berbeza mengikut industri. Keadaan ini mencadangkan keperluan mendesak tentang pendekatan pedagogi yang bukan sahaja mengutamakan penguasaan bahasa formal, tetapi juga kebolehan menilai situasi komunikasi secara pragmatik dan reflektif. Implikasi daripada kajian ini menunjukkan bahawa terdapat keperluan institusi pengajian tinggi memperkenalkan modul komunikasi kontekstual yang berasaskan latihan simulasi temu duga, pendedahan industri, serta analisis kes sebenar dalam pelbagai bidang pekerjaan. Selain itu, pembangunan kebolehan metapragmatik, iaitu keupayaan memahami dan menyesuaikan bentuk komunikasi mengikut matlamat dan penerima perlu diberikan penekanan dalam kurikulum komunikasi profesional. Akhir sekali, kajian ini membuka ruang kepada penyelidikan lanjutan melibatkan hubungan antara penggunaan slanga dengan persepsi penilaian dalam kalangan majikan sebenar, rentas industri dan latar budaya. Penemuan seperti ini berpotensi mempengaruhi dasar pembangunan kebolehpasaran graduan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa, selaras dengan aspirasi pendidikan tinggi yang bersifat inklusif dan responsif tentang perubahan landskap komunikasi pekerjaan global.

PENGHARGAAN

Para penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Sathia Seelan V. Pirakash (B112410422), Nur Aina Syafiqin Sajani (B112410496) dan Rajaneesh Saravanan (B112410441) dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), 76100, Durian Tunggal, Melaka, Malaysia, atas sumbangan mereka dalam membantu proses pengumpulan data dan penyelidikan berkaitan kajian ini.

KONFLIK KEPENTINGAN

Para penulis mengesahkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan dalam penerbitan artikel ini.

RUJUKAN

- Abdullah, N. A., & Daud, M. Z. (2020). Pemaknaan semula sinonim leksikal “nepotisme” berteraskan data korpus: Analisis pragmatik. *LSP International Journal*, 7(1), 61–79.
- Ahmad, N. (2017). Slanga dan persepsi dalam komunikasi formal. *Jurnal Bahasa & Budaya Melayu*, 12(1), 45–60.
- Ardi, N., Mohamad, M., Rashidin, R., & Jantan, Z. (2011). *Asas dan kemahiran menterjemah*. August Publishing.
- Arshad, M. A. (2000). Bahasa slanga: Pembentukan dan ciri-cirinya. Dalam *Monograf Bahasa, Sastera, dan Budaya Melayu*. Universiti Putra Malaysia.
- Asmah, H. O. (2015). *Perancangan bahasa dengan rujukan khas kepada bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aziz, F. (2020). Pemeraksanaan mahasiswa dalam komunikasi formal. *Seminar Kebangsaan Bahasa & Media*, Universiti Malaya.
- Brown, P., & Levinson, S. C. (1987). *Politeness: Some universals in language usage*. Cambridge University Press.
- Bryman, A. (2016). *Social research methods* (5th ed.). Oxford University Press.
- Chomsky, N. (2007). *Minimalist program*. MIT Press.
- Crystal, D. (2011). *Internet linguistics: A student guide*. Routledge.
- Daud, M. Z. (2017). Slanga kedai kopi: Satu analisis semantik inkuisitif [Projek tahun akhir tidak diterbitkan]. Universiti Malaysia Sarawak.
- Daud, M. Z. (2018a). Imej tumbuhan dalam slanga: Analisis semantik inkuisitif. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 1–21.
- Daud, M. Z. (2018b). Pengaplikasian kerangka semantik inkuisitif melalui slanga. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(3), 43–52.
- Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2019). Slanga dan simbol tumbuhan dalam komunikasi lisan masyarakat Melayu: Pendekatan semantik inkuisitif. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 30(1), 108–136.
- Daud, M. Z., Yasir, M. F. A., Emran, A. D., Nordin, A. H., Halim, M. Z. I. A., Jasni, N. H., ... & Subet, M. F. (2024). Mahasiswa, slanga, pembentangan kumpulan berbahasa Melayu dan pragmatik (teori relevans). *Jurnal Peradaban Melayu*, 19(2), 1–14.
- Dewi, A. C., Saputra, G. A., Salsafira, Ain, N., Rifki, A., & Uswatun. (2023). Penggunaan bahasa gaul di kalangan remaja. *Nusantara Journal of Multidisciplinary Science*, 1(5), 1032–1043.
- Etikan, I., Musa, S. A., & Alkassim, R. S. (2016). Comparison of convenience sampling and purposive sampling. *American Journal of Theoretical and Applied Statistics*, 5(1), 1–4. <https://doi.org/10.11648/j.ajtas.20160501.11>.

- Fazal, M. M., & Muhammad, S. A. (2022). Slanga dalam media sosial: Satu pendekatan minimalis. *Journal of Social Science and Humanities*, 19(3), 151–161.
- Grice, H. P. (1975). *Logic and conversation*. University of California.
- Hashim, R. (2015). *Bahasa dan komunikasi: Peranan dalam masyarakat*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jamali, N., & Ma'alip, S. (2019). Fenomena pengguna bahasa slang dalam kalangan remaja Felda di Gugusan Felda Taib Andak: Suatu tinjauan sosiolinguistik. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(3), 1–15. <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/174>.
- Julaina, N., & Noratikah, L. (2023). Bahasa slang dalam kalangan masyarakat di media sosial: Pendekatan semantik inkuisitif. *Jurnal Linguistik*, 27(2), 43–59. <https://plm.org.my/wp-content/uploads/2023/12/4.-Bahasa-Slanga-dalam-kalangan-Masyarakat-di-media-Sosial-Pendekatan-Semantik-Inkuisitif.pdf>
- Karim, N. S., Onn, F. M., Musa, H., & Mahmood, A. H. (2015). *Tatabahasa Dewan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kecskes, I. (2014). *Intercultural pragmatics*. Oxford University Press.
- Narawi, N. F., & Sarudin, A. (2024). Mediator bahasa slang dalam kalangan murid di media sosial berdasarkan teori sosiokognitif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 14(2), 102–116. <https://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/380>.
- Nopiah, J., & Lawi, N. (2023). Bahasa slang dalam kalangan masyarakat di media sosial: Pendekatan semantik inkuisitif. *Jurnal Linguistik*, 27(2), 43–59.
- Paijin, N. F., Ja'afar, N., & Mohd Rusli, N. F. (2022). Penggunaan bahasa slang dalam akaun Twitter “Brgsjks”. *Jurnal Wacana Sarjana*, 6(3), 1–13. <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/484>.
- Pallant, J. (2020). *SPSS survival manual: A step-by-step guide to data analysis using IBM SPSS* (7th ed.). McGraw-Hill Education.
- Radzi, H., Jalaluddin, N. H., Kasdan, J., Lateh, H., & Arifin, A. H. (2018). Tahap pemahaman leksikal kata kerja dialek Melayu Kedah di Pulau Tuba dan Satun. *Jurnal Melayu*, 17(1), 74–93.
- Razak, A. (2019). Pengaruh bahasa dalam temu bual pekerjaan. *Buletin Sains Sosial*, 8(2), 34–40.
- Ritos, S., & Daud, M. Z. (2020). Strategi penggantian disfemisme kepada eufemisme dalam komunikasi lisan masyarakat Bidayuh, Bau: Analisis pragmatik. *Asian People Journal (APJ)*, 3(1), 64–83.
- Sperber, D., & Wilson, D. (1986). *Relevance: Communication and cognition*. Harvard University Press.
- Sperber, D., & Wilson, D. (1995). *Relevance: Communication and cognition* (2nd ed.). Blackwell Publishing.
- Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2016). “Giler” atau “Gile”: Slanga kata penguat. *Jurnal Bahasa*, 16(2), 293–306.
- Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2017). Semantik dan makna konotasi dalam slanga pelacur. *The International Conference on Language Studies (iCLS) 2017*, Kuching, Riverside Majestic Hotel.
- Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2019). Makna denotatif dan konotatif dalam slanga pelacur. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(1), 29–43.
- Suhaimi, M. S., & Shamsull, F. S. (2022). Perubahan penggolongan leksikal slang dalam kalangan pempengaruh media sosial: Analisis medan makna. *Jurnal Melayu*, 21(2), 51–69. <https://journalarticle.ukm.my/20518/1/59262-196095-1-SM.pdf>.
- Sulaiman, Z. M. (2016). Slanga mengupayakan kreativiti berbahasa remaja Melayu dan Cina (Bahagian 1). *Dewan Bahasa*, 16(3), 22–25.

- Suradi, N., & Daud, M. Z. (2024). Gen Z and language dynamics: Lexical choice of English among Malay students at Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) based on pragmatic analysis. *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 16(2), 100–111.
- Tagliamonte, S. (2016). *Teen talk: The language of adolescents*. Cambridge University Press.
- Thurairaj, S., Hoon, E. P., Roy, S. S., & Fong, P. W. (2014, October). English Language Usage in SNS and Mobile Phones: A Bane or Boon? In *European Conference on e-Learning* (p. 545). Academic Conferences International Limited.
- Zainal, S. (2021). *Etika komunikasi untuk mahasiswa*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Zulkifli, M., & Ibrahim, I. M. (2023). Penggunaan bahasa slanga di media sosial dalam kalangan pencipta kandungan. *Prosiding Seminar Antarabangsa Susastera, Bahasa dan Budaya Nusantara (SUTERA) ke-2*, 201–210.